




## MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG

# CARA MEMOHON LESEN



## JENIS LESEN

### JENIS AKTIVITI YANG MEMERLUKAN LESEN MAJLIS:

- \* Etablisyemen Makanan
- \* Tred dan Perniagaan
- \* Kilang
- \* Rumah Urut
- \* Hotel
- \* Kandung Lembu / Kuda
- \* Memelihara Khinzir
- \* Pasar Prebet
- \* Tempat Letak Kereta
- \* Iklan
- \* Garaj
- \* Tempat Hiburan Awam
- \* Penjaja
- \* Gerai Pasar, Tapak Penjaja
- \* Sementara dan Kompleks
- \* Gerai Jalan Awam / TanahPersendirian
- \* Gerai Bermusim / Perayaan
- \* Kenderaan Tanpa Motor
- \* Lesen Anjing
- \* Lesen Beca Awam
- \* Lesen Pengayah Beca Awam

## Bayaran Lesen

*Kadar Lesen adalah tertakluk kepada jenis aktiviti / perniagaan yang dijalankan*

### CARA MEMOHON LESEN UNTUK PELBAGAI TRED

Dapatkan borang permohonan (borang komposit) di kaunter Bahagian Pelesenan.

Isikan borang dengan lengkap. Sertakan dokumen lain yang dikehendaki.

Kemukakan borang di kaunter Bahagian Pelesenan Surat akuan terima akan dihantarkan kepada pemohon.

Pegawai-pegawai Majlis akan membuat pemeriksaan ke atas premis berkenaan.

Pemohon akan dihubungi melalui surat sama ada permohonan ditolak atau diluluskan dengan syarat-syarat tertentu.

### CARA MEMOHON LESEN GERAI PENJAJA

Dapatkan borang permohonan di kaunter Bahagian Pelesenan  
A. PK 001 Untuk Penjaja  
B. PK 002 Untuk Gerai

Isikan borang dengan lengkap. Sertakan dokumen lain yang dikehendaki.

Kemukakan borang di kaunter Bahagian Pelesenan Kad akuan terima akan dikeluarkan kepada pemohon.

### UNTUK GERAI PASAR, TAPAK PENJAJA SEMENTARA DAN KOMPLEKS MAJLIS

Pemohon akan dipanggil untuk temuduga apabila terdapat kekosongan gerai.

### UNTUK PENJAJA (STATIK / BEREDAR)

Pegawai-pegawai Majlis akan membuat pemeriksaan ke atas tapak lokasi / gerai berkenaan.

Pemohon akan dihubungi melalui surat berkenaan keputusan permohonan.

## PENALTI

Sekiranya anda menjalankan perniagaan (Seperti yang telah disenaraikan) tanpa lesen, maka anda telah melakukan kesalahan di bawah undang-undang kecil MPPP seperti berikut:

- \* Undang-undang kecil (Etablisyemen makanan) MPPP 1991.
- \* Undang-undang kecil (Tred, Perniagaan & Perindustrian) MPPP 1991
- \* Undang-undang kecil (Tempat Letak Kereta Persendirian) MPPP 1988.
- \* Undang-undang Kecil (Memelihara Khinzir) MPPP 1987.
- \* Undang-undang Kecil (Rumah Urut) MPPP 1980.
- \* Undang-undang Kecil (Pasar) MPPP 1980.
- \* Undang-undang Kecil (Penjaja) MPPP 1979.
- \* Undang-undang Kecil (Gadi-gadi) MPPP 1979.
- \* Penang (Municipal) Tricycle Bylaw 1953.
- \* Penang (Municipal) Control of Advertisement By-Law 1949.
- \* Places of Public Entertainment By-Laws 1932.
- \* Undang-undang Kecil (Lembu Kerbau) Bandaraya George Town 1968.
- \* Undang-undang Kecil Beca (Perbandaran) Pulau Pinang 1948
- \* Undang-undang Kecil (Anjing-anjing) Majlis Perbandaran Pulau Pinang 1977.

*Sekiranya terdapat sebarang  
Pertanyaan Sila Hubungi:-*

Bahagian Pelesenan  
Majlis Perbandaran Pulau Pinang  
Tingkat Bawah, Dewan Bandaraya  
Jalan Padang Kota Lama, 10200 Pulau Pinang.



Telefon:  
**2638818**  
Faks:  
**2638921**